



Ruj Kami : JANM.600-15/4/6 (23)
Tarikh : 4 September 2025

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian

Pengarah JANM Negeri/Cawangan

Tuan/ Puan,

SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 9 TAHUN 2025

PENGURUSAN BAYARAN AP96 (a)

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana yang telah dibentangkan semasa Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan (MPKA) Bilangan 1 Tahun 2025, Sesi Timbalan Akauntan Negara (Operasi) bertarikh 29 April 2025 bagi perkara Penemuan Pengauditan Ke Atas Pengurusan Pembayaran AP96(a), terdapat beberapa perkara yang memerlukan perhatian dan tindakan Pejabat Perakaunan dalam memperkemas urusan pembayaran di bawah AP96(a).

3. **Pembayaran melalui AP96(a) hendaklah diteliti dan diperhalusi oleh Pejabat Perakaunan** dari segi keperluan penggunaannya. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan tindakan :

- i. Meminimumkan kaedah pembayaran melalui AP96(a) selaras dengan persekitaran tanpa tunai (*cashless*). Kelulusan bagi pembayaran melalui AP96(a) hanya dipertimbangkan selepas semua kaedah pembayaran alternatif seperti *Electronic Fund Transfer* (EFT) yang lebih selamat telah diteliti dan didapati tidak sesuai. Ini bagi mengurangkan risiko kehilangan wang awam semasa agihan pembayaran melalui AP96(a). Kelulusan Pejabat Perakaunan hendaklah mengambil kira keperluan AP96(a) yang benar-benar perlu sahaja;
- ii. Pembayaran kepada individu selain penjawat awam yang mempunyai akaun bank hendaklah melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT)/ cek (sekiranya terlibat dengan *mule account* sahaja) dan kelulusan pembayaran melalui AP96(a) hanya dibenarkan setelah justifikasi dipertimbangkan sewajarnya oleh Pejabat Perakaunan; dan
- iii. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023, **Lampiran D: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Di Bawah AP96(a-c) Mengeluarkan Wang Awam Untuk Diagihkan**, berikut merupakan ketidakpatuhan yang perlu diberi perhatian serius oleh Pejabat Perakaunan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) selanjutnya :
 - a. **Penyata Penerima Wang Bayaran Di Bawah AP96(a) (Lampiran D3 seperti di Lampiran) tidak lengkap :**
 - Tiada nama penerima dan nombor kad pengenalan;
 - Tiada tandatangan/ cap jari serta tarikh penerima dan tiada nama serta

- tandatangan saksi;
 - Tiada tandatangan/ nama/ jawatan/ tarikh pengesahan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan untuk mengagihkan wang; dan
 - Tiada tandatangan/ nama/ jawatan/ tarikh berkenaan pembayaran dan penerimaan wang tunai oleh saksi.
- b. Lampiran D3 **tidak dikemukakan** kepada Pejabat Perakaunan setelah agihan wang tunai selesai dalam tempoh 21 hari dari tarikh EFT/Cek. Sekiranya terdapat lebihan, Resit Rasmi dan Penyata Pemungut juga hendaklah dikemukakan bersama Lampiran D3.
- iv. Sebagai pemantauan, Pejabat Perakaunan hendaklah mengemas kini maklumat kelulusan pembayaran AP96(a) dari semasa ke semasa seperti berikut melalui link berikut:
- BA Kementerian - <https://tinyurl.com/BA-Kem-Senarai-AP96>
 - JANM Negeri/ Cawangan - <https://tinyurl.com/JANC-Senarai-AP96>

4. Pejabat Perakaunan dan PTJ hendaklah memastikan arahan operasi yang dinyatakan di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023 dipatuhi dan kaedah pembayaran AP96(a) hendaklah sentiasa dibuat pemantauan rapi oleh Pejabat Perakaunan.


5. Surat edaran BPOPP ini hendaklah dibaca bersekali dengan SPANM yang berkuatkuasa dan Soalan Lazim (FAQ) kemaskini 22 April 2025 (Bil 5 hingga 9).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ZAHARIN BIN OTHMAN C.A. (M))

Pengarah

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan

b/p Akauntan Negara Malaysia

SPANN BIL. 5/2023
LAMPIRAN D3



Nama Jabatan :
 Kod Kumpulan PTJ & PTJ :
 No. Rujukan Surat Ketulusan :
 No. Arahan Pembayaran & :
 Tarikh Arahan Pembayaran :

[illegible]

*Pegawai yang dinantikan seperti di ruangan (3) Lampiran D1

KOD AO : 1004
NAMA AO : JANNI NEGERI MELAKA

Bil	Nama PTJ	Nama Kementerian	Bayaran AP96(a)	Kadar Bayaran (RM)	Kekerapan (One off/ Bulanan/ Tahunan)	Justifikasi
1	PEJ KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH JASIN	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA/KELUARGA DAN MASYARAKAT	BANTUAN TUNAI	RM600.00	BULANAN	AKAUN BANK KENA SCAM
2	PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK TAMPIN	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	BAYARAN INSENTIF KLIEN	A. Projek Dalam (RM0.60/jam) B. Perkhidmatan Luar i. Kerja Kebersihan Stat (RM40 x60%) ii. Pramusaji Awam (RM60x 60%)	BULANAN IKUT PROGRAM	BAYARAN INSENTIF KLIEN
3	PUSAT KOREKSIONAL JASIN	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	1. MEMBUAT CERMIN MATA 2. BAYARAN ZAKAT 3. MEMBUAT KAD PENGESALAN BANDUAN 4. PENGESALAN GAJI BANDUAN UNTUK BERI PADA KELUARGA	1. MEMBUAT CERMIN MATA (RM88/SEORANG) 2. BAYARAN ZAKAT (RM7/SEORANG) 3. MEMBUAT KAD PENGESALAN BANDUAN (RM10/SEORANG) 4. PENGESALAN GAJI BANDUAN UNTUK BERI PADA KELUARGA (RM1000/SEORANG)	ONE OFF/ BULANAN	BAYARAN KLIEN
4	PEJ KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH JASIN	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA/KELUARGA DAN MASYARAKAT	BANTUAN TUNAI	RM600.00	BULANAN	AKAUN DITUTUP
5	PEJABAT KESIHATAN JASIN	KEMENTERIAN KESIHATAN	PEMENANG	i. TEMPAT PERTAMA (RM300) ii. TEMPAT KEDUA (RM200) iii. TEMPAT KETIGA (RM100)	PROGRAM	PEMENANG

KOD AO : 1004
NAMA AO : JANMI NEGERI MELAKA

Bil	Nama PTJ	Nama Kementerian	Bayaran AP-96(a)	Kadar Bayaran (RM)	Kekerapan (One off/ Bulanan/ Tahunan)	Justifikasi
11	AKADEMI KASTAM DIRAJA MALAYSIA (AKMAL)	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	WANG SAKU PESERTA ANTARABANGSA MTCF	WANG SAKU RM85/SEHARI	PROGRAM	INTERNATIONAL COURSE FOR TIMOR-LESTE CUSTOMS OFFICERS ON ASEAN SINGLE WINDOW (ASW)
12	PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN DAERAH ALOR GAJAH	KEMENTERIAN KESIHATAN	PEMENANG	i. TEMPAT PERTAMA (RM100) ii. TEMPAT KEDUA (RM80) iii. TEMPAT KETIGA (RM70)	PROGRAM	PEMENANG
13	PEJABAT TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PERGIGIAN) MELAKA	KEMENTERIAN KESIHATAN	PEMENANG	A. PERTANDINGAN MEWARNA KANAK-KANAK i. TEMPAT PERTAMA (RM120) ii. TEMPAT KEDUA (RM80) iii. TEMPAT KETIGA (RM50) B. PERTANDINGAN GRAFITI i. TEMPAT PERTAMA (RM300) ii. TEMPAT KEDUA (RM250) iii. TEMPAT KETIGA (RM200)	PROGRAM	PEMENANG
14	RUMAH BUDAK LAKI-LAKI TUN ABDUL AZIZ	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITAKELUARGA DAN MASYARAKAT	WANG SAKU PENGHUNI	Kanak-kanak i. Bersekolah (RM7/sehari) ii. Tidak bersekolah (RM3/sehari)	BULANAN	TIADA SURAT BERANAK
15	PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	A. PERTANDINGAN KIK/INOVASI B. SAGUHATI JURI	A. PERTANDINGAN KIK/INOVASI i. TEMPAT PERTAMA (RM4,000) ii. TEMPAT KEDUA (RM2,000) iii. TEMPAT KETIGA (RM1,000) B. SAGUHATI JURI i. JURI 1 (RM130) ii. JURI 2 (RM100)	PROGRAM	PEMENANG